

# Sanusi: Atur strategi anda



● ENCIK SANUSI

ALOR SETAR, Jumaat — Menteri Pembangunan Negara dan Luarbandar, Encik Sanusi Junid menyeru Pegawai-pegawai Penerangan dan Kemas mengatur strategi untuk membolehkan rakyat bersama-sama melibatkan diri dalam segala aspek pembangunan.

Beliau berkata, perkara ini amatlah penting dalam usaha mempercepatkan lagi pemba-

ngunan yang diperlukan oleh rakyat dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Katanya, kerajaan mampu mengadakan peruntukan wang yang mencukupi bagi mengadakan projek berfaedah. Tetapi tanpa sambutan rakyat projek tersebut tidak akan mencapai kejayaan.

"Saya menyeru pegawai-pegawai kerajaan mewujudkan kerjasama erat dengan rakyat bagi mem-

percepatkan lagi pembangunan khususnya di luar bandar," tegasnya ketika berucap di perjumpaan dengan Pegawai-pegawai Penerangan dan Kemas di sini malam tadi.

Dengan semangat yang demikian, jelasnya, setiap projek pembangunan akan dapat dilaksanakan segera dan berjaya.

Berucap di upacara penutup kursus singkat pelajar-pelajar Jerlun di Sekolah Kebangsaan Ayer Hitam, 12 batu dari sini petang semalam, beliau menegaskan, ibu bapa yang mahu anak mereka baik dan mendapat kejayaan cemerlang dalam peperiksaan mereka hendaklah mengamalkan tiga perkara berikut:

Pertama, ibu bapa hendaklah menjaga perhubungan harmoni dalam keluarga supaya anak mereka mempunyai suasana baik dan tenteram serta dapat menumpukan sepenuh fikiran kepada pelajaran.

Kedua, ibu bapa hendaklah berjumpa guru bertanyakan kemajuan pelajaran anak mereka setiap masa.

Ketiga, ibu bapa hendaklah menggalakkan anak mereka membaca pelajaran walaupun mereka tidak berpelajaran tinggi.

"Saya percaya setiap ibu bapa yang mengamalkan perkara itu sudah tentu anak mereka akan mencapai kejayaan yang diharapkan," tambahnya.

Beliau berkata pelajaran adalah modal yang paling berharga bagi kehidupan seseorang di zaman kemajuan yang mencabar sekarang.